



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

13 JULAI 2021 (SELASA)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

13 JULAI 2021 (SELASA)



NILAI keseluruhan kerugian yang dikemukakan pengguna kepada KPDNHEP menerusi aduan hampir RM100,000.

Beli barang, tetapi tidak sampai

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menerima 186 aduan berkaitan perkhidmatan kurier dalam tempoh Januari hingga 30 Jun lalu antaranya kes pelanggan tidak terima barang, bungkusan hilang dan barang rosak.

• BERITA DI MUKA 3

KPDNHEP rekod 186 kes berkaitan perkhidmatan kurier sejak Januari

Aduan tertinggi tidak terima barang

Oleh ZULKIFLI MANZOR

PETALING JAYA - Sebanyak 186 aduan berhubung perkhidmatan kurier diterima Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sejak Januari hingga 30 Jun lalu.

Jumlah keseluruhan kerugian yang dikemukakan pelanggan menerusi aduan itu adalah RM97,008.92.

Aduan tertinggi yang direkodkan adalah membabitkan pelanggan tidak menerima barangan yang dipesan sebanyak 94 kes, bungkusan hilang (33), barang rosak (14) dan barang dalam bungkusan berbeza daripada yang sepatutnya (8).

Masalah paling banyak diadukan mengenai perkhidmatan



ALEXANDER

kurier seterusnya adalah lima kes barangan dalam bungkusan hilang dan empat kes bagi tuntutan semula bayaran.

Secara keseluruhannya terdapat 29 jenis aduan termasuk

Antara aduan diterima KPDNHEP

Jenis aduan	bilangan
• Tidak terima barang	94
• Bungkusan hilang	33
• Barang rosak	14
• Barang lain dalam bungkusan	8
• Barangan hilang	5
• Tuntutan semula bayaran	4
• Harga mengelirukan	2
• isu penutupan akaun	2
• Guna kenderaan persendirian	2
• Tipu nilai timbangan	2

penghantar membalng bungkusan ke dalam rumah, tidak menghantar barang ke rumah penerima dan tidak meletakkan barang di tempat yang selamat.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pihaknya memandang serius kesemua aduan itu dan siasatan mengenainya dilakukan secara terperinci kerana melibatkan hal kepenggunaan.

"Kita bukan sahaja menyiasat untuk mendapatkan keadilan bagi pihak pengguna tetapi mencari penyelesaian agar kejadian sama tidak berulang," katanya kepada Kosmo! di sini baru-baru ini.

Menurut Alexander, untuk tujuan itu, KPDNHEP turut bekerjasama dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia

(KKMM) bagi mencari pendekatan terbaik.

Jelas beliau, perkhidmatan kurier adalah di bawah bidang kuasa KKMM, manakala masalah berkaitan kepenggunaan pula diuruskan KPDNHEP.

Tambahnya, isu berhubung perkhidmatan kurier perlu diperhalusi sehabis baik kerana membabitkan kepentingan ramai pihak.

"Beri peluang kepada kedua-dua kementerian untuk memperhalusi tindakan atau cadangan bagi menyelesaikan isu ini.

"Langkah dibuat bagi memastikan tiada pihak yang teraniaya sehingga menjejaskan sumber pencarian bagi mereka yang bergantung pendapatan dengan perkhidmatan kurier," kata beliau.

Senarai Harga Barang Keperluan	
• Ayam	RM6.38
• Daging lembu tempatan	RM35
• Daging lembu import	RM29.90
• Telur Gred A (30 biji)	RM11.55
• Ikan kembung	RM8.90
• Minyak masak	RM6.35
• Gula pasir	RM2.85
• Bawang besar holland	RM2.80
• Bawang putih	RM5.50
• Cili merah	RM10.99
• Kubis tempatan	RM3.49
• Tepung gandum	RM2.20

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP